A **Balasupramaniyam a/l R Letchumanan lwn Datuk Nallakaruppan a/l Solaimalai**

B MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — WRIT SAMAN NO 22–619 TAHUN 2008
NURMALA SALIM PK
21 JANUARI 2013

C

Prosedur Sivil — Pembatalan — Writ dan pernyataan tuntutan — Sama ada tindakan jelas tidak mapan — Laporan polis akibat risau ancaman dan ugutan — Penahanan reman pihak yang membuat ugutan — Sama ada pendakwaan berniat jahat — Sama ada pernyataan tuntutan mendedahkan kausa tindakan munasabah — Sama ada elemen-elemen pendakwaan niat jahat terbukti — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1)(a)

D

Defendan telah memohon untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif menurut A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). Semasa kempen pilihanraya kecil Parlimen Permatang Pauh, beberapa orang lelaki telah mengugut, mengancam dan memaki hamun pekerja-pekerja di Bilik Gerakan Seberang Jaya. Salah seorang daripada mereka yang dikenali sebagai Hi Kid Bala mengucapkan kata-kata 'saya adalah gangster nombor satu di Pulau Pinang, suruh Dato' Nalla keluar dari Pulau Pinang'. Bimbang akan keselamatan mereka, pekerja-pekerja di bilik gerakan tersebut membuat laporan polis namun tidak menamakan sesiapa tetapi ada menyatakan kejadian tersebut dilakukan oleh beberapa orang lelaki termasuk seorang yang dikenali sebagai Hi Kid Bala. Pihak polis kemudiannya menjalankan siasatan dan plaintif ditahan reman. Plaintif mendakwa bahawa akibat penahanannya, dia telah mengalami kerugian dan kecederaan kepada reputasinya dan dipandang serong oleh orang ramai. Nama baiknya dan keluarganya serta nama PKR turut tercemar semasa kempen pilihanraya tersebut. Plaintif menghujahkan bahawa defendan mendakwanya dengan niat jahat. Sebaliknya, defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak didakwa tetapi hanya ditahan untuk membantu pihak polis menjalankan siasatan. Penahanan bertujuan sebagai siasatan dan bukanlah suatu pendakwaan. Oleh kerana tiada pendakwaan ke atas plaintif, pernyataan tuntutan tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah. Oleh itu, defendan menegaskan bahawa writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif wajar dibatalkan dengan kos.

Diputuskan, membenarkan lampiran 23 dengan kos dan membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif:

(1) Prinsip-prinsip atas mana mahkamah bertindak apabila menggunakan

kuasanya di bawah A 18 k 19(1) KKM adalah jelas. Proses terus di bawah kaedah ini hanya boleh digunakan dalam kes-kes yang terang dan nyata dan prosedur terus ini hanya boleh digunakan apabila jelas bahawa tuntutan atau tindakan adalah pada wajahnya 'obviously unsustainable'. Plaintif dalam kes ini gagal mendedahkan kausa tindakan yang munasabah atau pun pada wajahnya 'obviously unsustainable' (lihat perenggan 17 & 25).

(2) Pihak polis bertindak atas laporan polis yang dibuat defendan kerana ada kepercayaan munasabah bahawa suatu kesalahan telah dizahirkan. Seterusnya plaintif ditahan reman untuk memudahkan penyiasatan dan untuk mengesahkan kesalahan seperti didakwa dan ini adalah prosedur biasa dalam siasatan pihak polis. Defendan tidak menamakan plaintif sebagai orang yang terlibat dalam kejadian tersebut. Penahanan ke atas plaintif dibuat atas risikan dan maklumat yang diperolehi oleh pihak polis dan bukannya atas arahan defendan (lihat perenggan 20–22).

(3) Bagi membuktikan adanya pendakwaan dengan niat jahat, plaintif perlu membuktikan empat elemen iaitu defendan mendakwanya; pendakwaan berakhir berpihak kepada yang menuntut; pendakwaan tiada kausa yang munasabah dan defendan bertindak jahat. Oleh kerana tiada pendakwaan ke atas plaintif maka, keempat-empat elemen bagi pendakwaan dengan niat jahat gagal dibuktikan oleh plaintif (lihat perenggan 18 & 24).

[English summary

The defendants sought to quash the writ of summons and statement of claim by the plaintiff pursuant to O 18 r 19(1)(a) of the Rules of Court 2012 ('ROC'). During the Permatang Pauh's parliamentary election campaign, a group of men had threatened and thrown cuss words at the workers in the Seberang Jaya's Operations Room. One of them, known as Hi Kid Bala uttered the words 'saya adalah gangster nombor satu di Pulau Pinang, suruh Dato' Nalla keluar dari Pulau Pinang'. Fearing for their own safety, the workers in the operations room lodged a policed report without naming any individuals however stating that the incident was perpetrated by several men, including one known as Hi Kid Bala. The police then conducted an investigation and the plaintiff was remanded. The plaintiff alleged that as a result of his detention, he had suffered losses and injury to his reputation and was negatively viewed by the public. His reputation and that of his family's, as well as the name of PKR was tainted during the election campaign. The plaintiff argued that the defendant's claim was done out of malicious intent. However, the defendant argued that the plaintiff was not charged but only detained in order to assist the police with their investigations. The objective of detention was to investigate and not to prosecute. Since there was no prosecution of the plaintiff, the statement of claim did not disclose a reasonable cause of action. Therefore, the

defendant averred that the plaintiff's writ of summons and statement of claim should be struck out with costs.

Held, allowing encl 23 with costs and striking out the plaintiff's writ of summons and statement of claim:

(1) The principles on which the court acted upon in exercising its powers under O 18 r 19(1) of the ROC was clear. Direct process under this rule may only be exercised in cases that are expressly defined and clear and this procedure can only be used when it is clear that a claim or action is on the face of it, 'obviously unsustainable'. The plaintiff in this case failed to disclose a reasonable cause of action or even on the face of it, 'obviously unsustainable' (see paras 17 & 25).

(2) The police acted on a police report made by the defendant as there was a reasonable belief that an offence had been disclosed. The plaintiff was subsequently remanded in order to assist the investigation and to verify the offence that he was charged with and this is a normal procedure in a police investigation. The defendant did not name the plaintiff as the person involved in the incident. The detention of the plaintiff was based on the intelligence and information obtained by the police and not upon orders of the defendant (see paras 20–23).

(3) In order to establish the existence of a malicious prosecution, the plaintiff must prove four elements that the defendant had claimed against him; the prosecution concluded in favour of the claimant; the prosecution had no reasonable cause of action and that the defendant acted on malicious intent. Since there was no claim against plaintiff, the four elements of the prosecution with malicious intent was not established by the plaintiff (see paras 18 & 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai writ dan pernyataan tuntutan, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 8171–8176.

Kes-kes yang dirujuk

New Straits Times (Malaysia) Bhd v Kumpulan Kertas Niaga Sdn Bhd & Anor [1985] 1 MLJ 226, MP (dirujuk)

Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 MLJ 385; [1985] 2 CLJ 449, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1), (1)(a)

Andy Ooi (R Nethaji Rayer & Co) bagi pihak plaintif.

Hasnal Rezua (KK Lim bersamanya) (The Chambers of Kamarul Hisham & Hasnal Rezua) bagi pihak defendan.

Nurmala Salim PK:

[1] Melalui lampiran 23, defendan memohon untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif menurut A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

LATAR BELAKANG KES

[2] Pada 19 Ogos 2008, semasa tempoh berkempen pilihanraya kecil Parlimen Permatang Pauh, beberapa orang lelaki telah pergi ke Bilik Gerakan MIUP, Seberang Jaya. Lelaki-lelaki tersebut telah mengugut, mengancam dan memaki hamun pekerja-pekerja di bilik gerakan tersebut. Lelaki-lelaki tersebut juga mengarah mereka menutup bilik gerakan tersebut dan minta mereka keluar parti dan menyokong Parti Keadilan Rakyat ('PKR').

[3] Salah seorang lelaki-lelaki tersebut yang dikenali sebagai Hi Kid Bala ada mengeluarkan kata-kata 'Saya adalah gangster nombor satu di Pulau Pinang, suruh Dato' Nalla keluar dari Pulau Pinang'.

[4] Kejadian ini telah dimaklumkan kepada defendan yang tidak berada di situ semasa kejadian.

[5] Oleh kerana bimbangkan keselamatan bilik gerakan tersebut, pekerja-pekerja di bilik gerakan dan keselamatan dirinya, pada 21 Ogos 2008, jam 6.24 petang, defendan telah membuat laporan polis mengenai kejadian tersebut. Di dalam laporan tersebut, defendan tidak menamakan sesiapa tetapi ada menyatakan kejadian tersebut dilakukan oleh beberapa orang lelaki termasuk seorang yang dikenali sebagai Hi Kid Bala.

[6] Susulan dari laporan polis tersebut, pihak polis telah menjalankan siasatan di mana plaintif telah ditahan oleh pihak polis pada hari yang sama pada jam 10 malam. Plaintif telah ditahan di lokap. Keesokan harinya, pihak polis telah mendapat perintah tahanan reman dari Majistret Bukit Mertajam untuk menahan plaintif dari 22–23 Ogos 2008. Selanjutnya, pihak polis cuba untuk melanjutkan tahanan reman ke atas plaintif pada 23 Ogos 2008. Setelah mendengar representasi dan rayuan dari plaintif, majistret telah menolak permohonan untuk lanjutan *remand* dan telah membenarkan plaintif dibebaskan dengan jaminan polis.

[7] Menuruti plaintif, dari 18–20 Ogos 2008, plaintif berada di Thailand. Plaintif hanya kembali ke tanah air pada 20 Ogos 2008. Plaintif seterusnya telah dimaklumkan oleh pihak polis bahawa plaintif dikehendaki bersangkut

dengan laporan polis yang dibuat oleh defendan. Plaintif telah menunjukkan pasportnya kepada seorang pegawai polis namun plaintif diarah untuk pergi ke Balai Polis Bandar Perda.

[8] Ini diikut dengan penahanan ke atas plaintif di mana plaintif telah ditahan di lokap dan ditahan reman selama dua hari. Plaintif mendakwa akibat penahanannya, plaintif telah mengalami kerugian dan kecederaan kepada reputasinya dan dipandang serong oleh orang ramai. Nama baik plaintif, keluarga plaintif serta nama PKR turut tercemar semasa kempen pilihanraya kecil Parlimen Permatang Pauh.

HUJAHAN DEFENDAN

[9] Kausa tindakan plaintif ke atas defendan adalah pendakwaan dengan niat jahat (*malicious prosecution*). Di dalam kes ini, plaintif tidak didakwa atas apa-apa kesalahan, plaintif hanya ditahan untuk membantu pihak polis menjalankan siasatan. Penahanan untuk tujuan siastan bukanlah suatu pendakwaan.

[10] Oleh kerana tiada pendakwaan ke atas plaintif, defendan berhujah pernyataan tuntutan tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah. Oleh itu, wajarlah writ saman dan pernyataan tuntutan terhadap defendan dibatalkan dengan kos.

HUJAHAN PLAINTIF

[11] Plaintif menghujahkan defendan telah membuat laporan polis palsu dengan niat jahat. Ini telah diplid dengan jelas dalam pernyataan tuntutan. Akibat dari laporan palsu ini, plaintif telah ditahan oleh pihak polis.

[12] Semasa ditahan di lokap, plaintif dan keluarga merasa malu dan mengalami tekanan mental dan emosi. Plaintif juga telah dinafikan haknya untuk berkempen bagi pihak PKR.

[13] Fakta bahawa Majistret Bukit Mertajam tidak melanjutkan tahanan reman ke atas plaintif menunjukkan laporan polis oleh defendan adalah tidak berasas.

PENILAIAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH

[14] Permohonan defendan dibuat di bawah A 18 k 19(1)(a)

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 atas alasan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah.

[15] Adalah undang-undang mantap bahawa permohonan di bawah A 18 k 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, keterangan melalui afidavit tidak dibenarkan.

[16] Untuk menentukan sama ada writ saman dan pernyataan tuntutan membangkitkan kausa tindakan yang munasabah atau tidak, ianya akan semata-mata bergantung kepada pliding plaintif. Rujuk kes *New Straits Times (Malaysia) Bhd v Kumpulan Kertas Niaga Sdn Bhd* [1985] 1 MLJ 226, di mana Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti berikut:

> … the court must consider only the pleadings for the purpose of determining whether the statement of claim disclose no reasonable cause of action … The test to be applied is whether on the face of the pleading, the court is prepared to say that the cause of action … is obviously unsustainable.

[17] Prinsip-prinsip atas mana mahkamah bertindak apabila menggunakan kuasanya di bawah A 18 k 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah jelas. Proses terus di bawah kaedah ini hanya boleh digunakan dalam kes-kes yang terang dan nyata dan prosedur terus ini hanya boleh digunakan apabila jelas bahawa tuntutan atau tindakan adalah pada wajahnya 'obviously unsustainable'. Prinsip-prinsip ini dinyatakan dengan jelas oleh Mahkamah Agung dalam kes *Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 MLJ 385; [1985] 2 CLJ 449 seperti berikut:

> The principle governing the striking out of pleading is clear in that it is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under O 18 r 19 of the Rules of the High Court 1980: 'the summary procedure under this Rule can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (*Attorney General of Duchy of Lancester v LL NW Railway co*) (Supreme Court Practice 1985).

[18] Bagi membuktikan adanya pendakwaan dengan niat jahat, menurut *Winfield and Jolowicz on Tort* (Edisi Ketujuh), di ms 861, plaintif perlu membuktikan empat elemen seperti berikut:

(a) *the defendant prosecuted him;*

(b) *the prosecution ended in the claimant's favour;*

(c) *the prosecution lacked reasonable and probable cause;*

(d) *the defendant acted maliciously.*

[19] Di ms 863 buku yang sama, dinyatakan 'If there is no prosecution this tort is not committed'. Di dalam kes ini, plaintif hanya ditahan oleh pihak polis untuk tujuan penyiasatan. Plaintif tidak didakwa di bawah mana-mana undang-undang.

[20] Pihak polis bertindak di atas laporan polis yang dibuat defendan kerana ada kepercayaan munasabah bahawa suatu kesalahan telah dizahirkan. Seterusnya plaintif ditahan reman selama dua hari untuk memudahkan penyiasatan dan untuk mengesahkan kesalahan seperti didakwa.

[21] Penahanan reman selama dua hari adalah prosedur biasa dalam penyiasatan pihak polis. Sekiranya pihak polis tiada kepercayaan munasabah bahawa suatu kesalahan telah dizahirkan, pihak polis tidak akan ambil tindakan ke atas mana-mana pihak.

[22] Defendan tidak menamakan plaintif sebagai orang yang terlibat di dalam kejadian pada 19 Ogos 2008. Penahanan ke atas plaintif dibuat atas risikan dan maklumat yang diperolehi oleh pihak polis dan bukannya atas arahan defendan.

[23] Penahanan di lokap selama dua hari bukanlah pendakwaan bagi maksud pendakwaan berniat jahat. Ianya adalah langkah pertama bagi penyiasatan ke atas sesuatu kesalahan.

[24] Oleh kerana tiada pendakwaan ke atas plaintif maka, empat elemen bagi pendakwaan dengan niat jahat seperti dinyatakan di perenggan 16 gagal dibuktikan plaintif.

[25] Oleh yang demikian, saya berpendapat plaintif gagal mendedahkan kausa tindakan yang munasabah atau pun seperti dinyatakan dalam kes yang dirujuk adalah pada wajahnya 'obviously unsustainable'.

[26] Berdasarkan alasan-alasan seperti dinyatakan, lampiran 23 dibenarkan dengan kos RM1,000. Dengan itu, writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan.

Lampiran 23 dibenarkan dengan kos dan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif dibatalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor